

Mahathir ragui ugutan Nato

BH 11 FEB 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak percaya Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) akan melancarkan serangan udara ke atas pengganas Serb walaupun badan itu mengeluarkan ugutan keras untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya Nato akan mengemukakan alasan untuk tidak melancarkan serangan selepas tamat tempoh yang ditetapkan supaya pengganas Serb berundur dari Sarajevo.

"Nato tidak akan serang pengganas Serb. Saya tidak percaya Nato akan serang. Mereka akan tunggu sehingga 10 hari dan selepas itu mereka akan beri alasan bahawa sekarang ini pengganas Serb sudah sedar.

"Penganas Serb tidak akan mengambil tindakan seperti itu lagi dan oleh itu, mereka (Nato) tidak akan melancarkan serangan. Selepas itu, penggan-

as Serb akan meneruskan proses penghapusan etniknya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengunjungi rumah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, sempena Tahun Baru Cina di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; beberapa menteri Kabinet; Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar dan bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan agensi berita semalam bahawa Nato bersetuju mengeluarkan ugutan melancarkan serangan udara ke atas kedudukan pengganas Serb, kecuali puak itu berundur dari sekitar Sarajevo dalam tempoh maksimum 10 hari.

Laporan itu menyebut, ancaman akan dikeluarkan dalam mesyuarat di

Brussels berikutan serangan mortar di Sarajevo minggu lalu, menyebabkan 68 orang terbunuh dan sekurang-kurangnya 200 lagi cedera.

Sebelum ini, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan Malaysia tetap meragui Nato akan melancarkan serangan.

Semalam, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan politik menyifatkan kesediaan Nato untuk menyerang Serbia sebagai janji palsu.

Mengenai cadangan Russia bahawa Sarajevo wajar ditadbir oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perdana Menteri berkata cadangan itu hanya boleh dibincangkan jika pengganas Serbia berundur dari Sarajevo terlebih dahulu.

"Suruh pengganas Serb tarik diri dari Sarajevo dulu, barulah cadangan itu boleh dibincangkan. Yang penting, mereka berhentikan serangan itu. Tetapi saya tidak percaya

bahawa cadangan Russia atau Nato akan menyebabkan pengganas Serb berhenti melaksanakan proses penghapusan etnik itu," katanya.

Ditanya sama ada keyakinan beliau bahawa Nato tidak akan menyerang pengganas Serb berdasarkan pengalaman sebelum ini, Dr Mahathir menjawab seluruh masyarakat dunia mengetahui Nato tidak akan melaksanakan ugutannya melancarkan serangan udara itu.

"Bukan pengalaman saya saja, malah semua orang tahu. Nato tahu, Amerika tahu dan semua orang tahu apabila mereka (Nato) ugut, badan itu tidak akan melaksanakannya. Oleh itu, pengganas Serbia akan terus membunuh," katanya.

Semalam, Duta Russia di PBB, Yuli Vorontov, dilaporkan mencadangkan supaya Sarajevo diletakkan serta merta di bawah pentadbiran badan dunia itu dan tidak dikenakan serangan udara.